

NO. SOALAN: 68

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 17 MAC 2014 (ISNIN)

SOALAN :

YB Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab PETRONAS melabur RM100 bilion di Kanada. Apakah faedah pelaburan itu dan berapa lama PETRONAS akan mendapatkan keuntungan daripada pelaburan itu.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaburan PETRONAS di Kanada adalah selari dengan strategi jangka panjang bagi mengukuhkan posisi PETRONAS sebagai salah satu peneraju utama dalam industri Gas Asli Cecair (LNG) di dunia. Syarikat Progress Energy yang diambilalih oleh PETRONAS pada penghujung 2012 membolehkan PETRONAS menguasai lapangan gas "shale" Montney di British Columbia dengan anggaran sumber diperolehi (*estimate recoverable resource*) melebihi 50 TCF (Trillion cubic feet). Pelaburan tersebut juga membolehkan PETRONAS mendapatkan kepakaran teknikal dan komersil dalam bidang carigali dan pengeluaran gas "shale" yang tidak terdapat di lapangan gas konvensional di Malaysia. Ini adalah selaras dengan strategi pertumbuhan syarikat yang akan memanfaatkan negara dalam masa jangka panjang.

Di samping jualan gas ke pasaran domestik Kanada dengan infrastuktur dan pasaran yang sedia ada, PETRONAS akan membina loji LNG dengan kapasiti jumlah 12 hingga 18 juta tan setahun melalui Projek Pacific Northwest LNG yang dipelopori oleh PETRONAS. LNG yang diproses akan dieksport pada harga pasaran yang lebih tinggi bagi memenuhi pasaran tenaga di Asia. LNG yang dijual dengan kontrak jangka panjang bakal memberi penambahan perolehan untuk PETRONAS bagi tempoh 20 hingga ke 40 tahun akan datang. Pelaburan di Kanada adalah selaras dengan strategi pertumbuhan syarikat yang akan memanfaatkan negara dalam masa jangka panjang. Sekian, terima kasih.